

BioMalaysia 2009

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sekali lagi mencatatkan kejayaan dalam bidang penyelidikan apabila meraih 10 pingat iaitu satu emas, tiga perak dan enam gangsa pada Persidangan dan Pameran BioMalaysia 2009 yang berlangsung di Kuala Lumpur



Convention Centre (KLCC). Pameran yang telah diadakan pada 17 - 19 November 2009 ini adalah anjuran Bio-Tech Corp. dengan kerjasama Protemp Exhibition Sdn. Bhd. Persidangan dan pameran selama tiga hari ini telah dirasmikan oleh Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

UniMAP yang mempertaruhkan 13 produk penyelidikan telah menunjukkan kehebatan dengan memenangi 10 pingat di pameran tersebut. Pingat emas diraih oleh Ku Syahidah Ku Ismail menerusi produknya yang bertajuk 'Production of Bioethanol From Cassava Via Green Technology'. Dua pingat perak pula telah dimenangi oleh Prof. Dr. Uda Hashim dan satu lagi pingat perak telah dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Zulkali Mohamed Daud. Dua dari enam pingat gangsa telah dimenangi oleh Dr. Ir Salmah Hussiensyah dan masing-masing satu pingat gangsa oleh Prof. Dr. Uda Hashim, Prof. Madya Dr. Bhuvanesh Rajamony, Prof. Dr. San Myint dan Ir. Syafruddin Hassan.

UniMAP juga telah memenangi kategori booth terbaik dan dengan menewaskan lebih 25 organisasi yang turut serta di dalam pameran tersebut. Syabas diucapkan kepada semua penyelidik yang berjaya dan semoga kejayaan ini akan dijadikan perangsang kepada mereka dan para penyelidik lain untuk lebih maju di masa-masa yang akan datang.